

Takungan air catat peningkatan

Takungan simpanan air di beberapa empangan utama seluruh negara mencatatkan peningkatan susulan hujan pada petang semalam.

Menurut maklumat di laman web infokemarau, sehingga jam 3 petang semalam, bacaan takungan air di Empangan Tasik Subang kiri pada tahap 100 peratus manakala Empangan Ulu Kinta pula mempunyai baki simpanan sebanyak 99.68 peratus dan Empangan Sungai Tinggi, 90.15 peratus.

Selain itu, empat lagi empangan turut merekodkan takungan melebihi 80 peratus iaitu Empangan Machap, (85.06 peratus) serta Empangan Sembrong di Johor (82.54 peratus), Empangan Pedu (84.4 peratus) dan Empangan Ahning, Kedah (82.63 peratus).

Manakala Empangan Padang Saga masih berada di tahap amaran dengan baki takungan terkini adalah pada paras 17.80 meter (m) berbanding tahap normal iaitu 18.50m.